

Ahli2 Berjaya diminta waspada

KOTA KINABALU, Ahad — Datuk Harris Salleh hari ini mengingatkan ahli-ahli Berjaya dan rakyat seluruhnya supaya berwaspada terhadap setengah-setengah pemimpin yang, jika dibenarkan mereka dengan cara mereka sendiri, boleh merosakkan parti.

Berucap dalam kongres keempat parti Berjaya di Panggung Berjaya pagi ini, presiden parti itu berkata, Berjaya tidak berhutang apa-apa kepada anggota-anggotanya.

"Kitalah yang sebenarnya berhutang budi kepada Berjaya yang telah membebaskan Sabah, dan memberi kemanan dan kehidupan yang bahagia, tanpa rasa takut akan tekanan terhadap hak-hak demokrasi dan kebebasan kita."

Beliau menekankan, walaupun adanya ingatan yang berulang kali disuarakan mengenai keadaan ini, setengah-setengah pemimpin Berjaya tidak sedar bila mereka sudah bernasib baik.

"Mereka terus meminta yang bukan-bukan kepada pemimpin parti dan cuba menekan kami supaya memberi lebih banyak bantuan kewangan dan lain-lain."

Datuk Harris berkata, ada juga pemimpin yang, kerana mereka bekerja untuk kejayaan parti dalam pilihanraya, terus merungut tidak mendapat ganjaran atas segala usaha mereka.

"Kesannya, mereka mengaku bahawa mereka mempunyai kepentingan diri sendiri bila mereka bekerja untuk parti kerana

mengharapkan wang dan lain-lain kebebasan sebagai ganjaran."

Mereka sepatutnya mengutamakan orang lain demi mengukuhkan parti serta menghalang anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab, tidak jujur dan rasuah dari cuba melemahkan dan mengambil alih kerajaan, katanya.

"Sebaliknya, mereka hanya berfikir dari segi faedah kewangan yang mereka boleh perolehi dari parti.

Beliau menegaskan, memang tidak dapat dinafikan bahawa Berjaya telah membawa pembangunan dan kemajuan yang cemerlang di Sabah sejak tahun 1976.

"Ini telah memberi peluang yang banyak kepada rakyat, termasuk pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokong Berjaya, untuk mencapai kemajuan ekonomi dan sosial.

Kebebasan

"Bahkan mereka tidak pernah mengalami keadaan sebegini baik dari segi peluang-peluang untuk berjaya dalam hidup, dengan syarat mereka berusaha sendiri.

"Jadi apakah yang mereka kehendaki?" Datuk Harris bertanya.

"Perkara paling penting yang perlu ditingali ialah Berjaya telah memulihkan kebebasan dan hak perlembagaan kepada seluruh rakyat dan membolehkan mereka memutuskan nasib sendiri.

Datuk Harris berkata: "Hari ini kita mententang pertumbuhan parti-parti politik di negeri ini, tanpa pemimpin-pemimpinnya rasa takut akan menjadi mangsa, ditekan atau ditahan, sebagaimana yang pernah dialami oleh Berjaya ketika ia ditubuhkan.

Datuk Harris melahirkan rasa dukacitanya kerana ada beberapa pemimpin Berjaya yang egoistik, yang berfikir bahawa mereka adalah begitu penting kepada parti dan mengharapkan parti dan Kerajaan Berjaya memenuhi tuntutan demi tuntutan mereka untuk mendapat pinjaman dan lain-lain bentuk bantuan kewangan, kawasan tanah balak, sokongan perniagaan dan lain-lain kelistimewaan.

"Bahkan, mereka menuntut supaya pinjaman yang mereka perolehi daripada agensi-agensi kerajaan hendaknya dibagikan begitu sahaja," katanya.

Datuk Harris menambah, ada pemimpin tidak berprinsip yang enggan menjelaskan hutang-piutang mereka kepada firma-firma swasta. Sikap yang tidak rasional dan merbahaya ini, katanya, telah menjalar jauh di kalangan pemimpin-pemimpin Berjaya selepas kejayaan parti dalam pilihanraya umum negeri dalam tahun 1981.

Ketua Berjaya itu berkata mereka mempunyai fahaman yang tidak munasabah bahawa Berjaya adalah kuat dan kerana mereka dalam sebuah pertubuhan politik yang begitu berkuasa, mereka menganggap tidak perlu mereka menamatkan tanggungjawab kewangan dan mematuhi undang-undang negara.

Malah, katanya, bila mereka disaman dalam mahkamah, mereka enggan mematuhi saman dan nampaknya tidak peduli terhadap perkara yang memalukan bila keluar perintah menangkap mereka.

Beliau menunjukkan beberapa kejadian bila notis untuk mengisytiharkan mereka bangkrap telah tersiar dalam akhbar.

Tambahnya, apa yang membimbangkan ialah perbuatan mereka telah merosakkan imej Berjaya.

Malah lebih daripada itu, katanya, mereka cuba bersandar kepada parti dan kerajaan supaya menjamin mereka dan kalau mereka tidak memperolehinya, mereka menjadi anti-Berjaya dan anti-kerajaan.

"Saya mahu setiap orang dari kita sedar bahawa kita mewakili majoriti rakyat dan kita bertanggungjawab terhadap mereka atas perbuatan-perbuatan kita, terutama berhubung dengan penggunaan dan perbelanjaan dan harta awam.

Sedia

"Tidak ada sesiapa pun yang mengatasi undang-undang. Mereka yang menyalahgunakan wang dan harta awam, menyalahgunakan kemudahan-pinjaman serta mengingkari undang-undang mestilah bersedia menghadapi kesannya.

"Perlu difahami sedalam-dalamnya bahawa tidak ada sesiapa pun di kalangan kita yang boleh berbuat sesuka hati semata-mata kerana kita berkuasa," katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia